

KENYATAAN AKHBAR

31 JANUARI 2023

MRL Bawa Kemeriahan Tahun Baharu Cina ke Pusat Jagaan di Selangor

Kuala Lumpur, 31 Januari: Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) meneruskan khidmat kemasyarakatan dengan berkongsi kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina bersama beberapa pusat jagaan di Selangor, membawakan keceriaan dan cenderahati kepada lebih 100 warga emas dan golongan yang kurang bernasib baik baru-baru ini.

Sekumpulan sukarelawan MRL yang diketuai oleh pasukan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), melawat *Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia* di Semenyih dan *My Aged Care* di Petaling Jaya di mana mereka telah menjalankan aktiviti seperti permainan berpapan, nyanyian bersama, sesi mewarna dan melontar *yee sang* bersama penghuni rumah jagaan.

Sukarelawan MRL turut mengambil peluang berinteraksi dan menaikkan semangat perayaan terutamanya di kalangan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di pusat jagaan. Mereka juga menyediakan makan tengahari untuk para penghuni dan penjaga di pusat jagaan yang terdiri daripada hidangan tempatan yang memenuhi keperluan pemakanan mereka.

Seiring dengan tradisi sambutan Tahun Baharu Cina, MRL memberi paket *angpow* dan limau mandarin kepada penghuni pusat jagaan yang merupakan simbolik membawa tuah. MRL turut memberi bantuan kepada pusat jagaan dalam bentuk makanan dan barangan keperluan seperti minyak masak, biskut, minuman, lampin dewasa dan detergen.

Semasa lawatan, sukarelawan MRL juga diberi taklimat oleh jawatankuasa pengurusan pusat jagaan masing-masing mengenai kesihatan umum para penghuni serta kemudahan kejururawatan dan perkhidmatan penjagaan diri yang disediakan untuk warga emas dan OKU.

Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, berkata syarikat tersebut tetap giat melaksanakan aktiviti CSR yang bertepatan dengan konsep 'Malaysia Madani' dalam memupuk masyarakat bertamadun, sambil menyatakan bahawa MRL komited dalam mengeratkan hubungan silaturrahim terutamanya dengan warga emas, golongan kurang bernasib baik dan kurang berkemampuan yang menetap di negeri-negeri Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

"MRL berharap bantuan yang disalurkan kepada *Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia* dan *My Aged Care* dapat membawa keceriaan perayaan kepada penghuninya. Kami akan berusaha meneruskan amalan melawat pusat jagaan, rumah persaraan, rumah kebajikan dan rumah anak yatim semasa musim perayaan dalam usaha meningkatkan kesedaran penjagaan dan kasih sayang di kalangan masyarakat majmuk," katanya.

MRL, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MOF (Inc.)] adalah pemilik projek dan aset ECRL. Jajaran ECRL sepanjang 665-kilometer akan merentasi negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang sebelum menghubungkan Lembah Klang di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

-Tamat-



Disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Hazelinda Mazlan (03-6411 5800 samb. 5830 / hazelinda.mazlan@mrl.com.my) atau Yong Min Wei (03-6411 5800 samb. 5835 / mwyong@mrl.com.my) atau Ani Azureen Zainuddin (03-6411 5800 samb. 5913 / azureen@mrl.com.my).